

27 JAN 2003

Umno-Pemimpin

PULAU PINANG SERAH KEPADA ABDULLAH UNTUK LANTIK PEMIMPIN BARU

PULAU PINANG, 27 Jan (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang menyerahkan soal rombakan atau pelantikan pemimpin atau wakil rakyat yang baru di negeri ini kepada pengerusinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan pengerusinya Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata soal kepimpinan Umno di negeri ini diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri kerana sebagai pengerusi badan perhubungan, beliau berhak membuat sebarang rombakan.

Katanya, bagaimanapun, secara peribadi, beliau menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar kepimpinan Umno negeri mengundur diri bagi membolehkan bakal penggantinya, Abdullah, membuat pilihan baru.

Dr Mahathir dalam kenyataannya semalam dipetik sebagai berkata, tindakan itu akan memberikan peluang kepada Abdulah untuk "mengaturkan semula segala-galanya" memandangkan ada di antara pemimpin terbabit yang memegang jawatan sejak sekian lama.

Dr Hilmi yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, saranan Perdana Menteri itu adalah tepat kerana ia membolehkan Abdullah memilih pemimpin baru.

Di ALOR STAR, pucuk pimpinan Umno negeri ini bersedia mengundurkan diri dari jawatan masing-masing sekiranya mendapat "petunjuk" daripada pimpinan tertinggi parti dan rakyat.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata mengundurkan diri dari pucuk pimpinan adalah jalan terbaik supaya Abdullah dan rakyat dapat memilih pengganti terbaik.

Katanya pimpinan Umno negeri mengamalkan sikap terbuka dan rela mengundur diri dari bertanding pada pilihan raya umum akan datang sekiranya mendapati mereka tidak boleh lagi meneruskan khidmat dengan baik kepada rakyat.

"Kita akan berundur jika rakyat tidak suka pimpinan kita dan biar pucuk pimpinan tertinggi yang tentukan siapa penggantinya," katanya pada sidang media selepas majlis penghantaran 80 orang jemaah haji di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini.

Syed Razak berkata pucuk pimpinan tertinggi parti mengetahui siapa yang boleh bekerja dan siapa yang tidak dengan adanya rekod prestasi masing-masing.

Di KOTA KINABALU, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Salleh Tun Said berkata kenyataan Perdana Menteri itu merupakan contoh betapa perlunya anggota-anggota meletakkan kepentingan parti melebihi kepentingan diri.

Salleh, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah berkata kenyataan itu juga menunjukkan Perdana Menteri lebih mengutamakan kepentingan parti.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya perubahan dalam barisan kepimpinan parti itu perlu dilakukan sekarang, ianya terpulang kepada Presiden Umno yang mempunyai keistimewaan untuk melaksanakannya.

"Sebagai Presiden parti, beliau berhak untuk menilai prestasi setiap pemimpin. Pendapat peribadi saya ialah jika perubahan itu perlu dilakukan sekarang, Perdana Menteri merupakan orang yang terbaik untuk melaksanakannya," katanya ketika dihubungi di sini.

-- BERNAMA

JS ROS

